

# E-kerajaan jadikan pentadbiran telus

BH 2 5 NOV 2000

Laporan Jamhariah Jaafar

SINGAPURA, Jumaat – Pengalaman Malaysia membuktikan pelaksanaan kerajaan elektronik (e-kerajaan) bukan saja menjimatkan kos bahkan menjadikan pentadbiran dijalankan lebih pantas dan telus.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata demikian ketika menjawab soalan media pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani Perjanjian Rangka Kerja E-Asean oleh pemimpin negara anggota di sini, hari ini.

Beliau berkata, pentadbiran elektronik berjaya menjadikan Kerajaan Malaysia melaksanakan tugas lebih pantas dan berkesan.

"Kerajaan adalah satu jentera dan kalau kita bercakap mengenai e-kerajaan bermakna ia untuk memastikan pentadbiran lebih



cepat dan berkesan.

"Mengikut pengalaman Malaysia, pentadbiran elektronik menyaksikan kerajaan dapat menangani pelbagai masalah masa lalu, apabila kita dapat membuat keputusan lebih pantas, memproses permohonan lebih cepat dan meringkaskan beberapa prosedur," katanya.

Bagaimanapun, katanya walaupun pengalaman Malaysia membuktikan ia dapat menjimatkan kos,

## Pentadbiran elektronik membolehkan kerajaan menangani pelbagai masalah masa lalu apabila dapat membuat keputusan lebih pantas

satu kajian lebih teliti perlu dilakukan bagi mengukuhkan kenyataan itu.

"E-kerajaan cuma dapat mengurangkan kerenah birokrasi kerana tidak mungkin pemimpin dan menteri dapat berfungsi secara bersendirian," katanya.

Perjanjian Rangka Kerja E-Asean ditandatangani oleh semua 10 pemimpin Asean iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Goh Chok Thong (Singapura), Sultan Hasanah Bolkiah (Brunei), Hun Sen (Kamboja), Abdulrahman Wahid (Indonesia), Sisavath Keobounphanh (Laos), Than

Shwe (Myanmar), Joseph Estrada (Filipina), Chuan Leekpai (Thailand) dan Phan Van Khai (Vietnam).

Rangka kerja itu disediakan Pasukan Petugas Peringkat Tinggi E-Asean dipengerusikan Roberto Romulo.

Antara lain ia membatik portal e-pelancangan, e-perniagaan, bekalan tenaga, pertukaran pekerja, hartanah di ruang siber, WeAsean.com, e-masyarakat, rantaian sekolah (e-pendidikan), rangkaian maklumat Asean, e-usahawanan dan e-pentadbiran.

Rafidah juga berkata, memang sukar mengawa-

si aliran maklumat dalam Internet. Oleh itu, setiap kerajaan perlu mempunyai perundangan bagi tujuan pengawasan.

Bagi Malaysia katanya, walaupun mempunyai beberapa undang-undang tetapi tidak pernah menyekat kebebasan pengguna teknologi maklumat selagi ia tidak memudaratkan negara.

"Kerana itu, di Malaysia anda boleh melihat semua

laman web pro dan anti-kerajaan. Sekarang ini semua elektronik tetapi yang penting kita patut menekankan e-pendidikan.

"Pengguna terutama golongan muda walaupun patut didedahkan dengan pengetahuan teknologi maklumat (IT), mereka juga mesti difahamkan apa yang baik dan tidak baik... dalam usaha tidak memusnahkan sesebuah negara itu," katanya.

Romulo ketika mengulas berkata, negara yang sudah maju dari segi IT terutama Malaysia dan Singapura, akan membantu negara kurang maju untuk membangunkan industri IT masing-masing.

Contoh katanya, Perbadanan Pembangunan Multi Media Malaysia (MDC) membuat kajian di Vietnam dan Myanmar mengenai corak bantuan yang perlu dihulurkan.

Mengenai pembiayaan projek, Menteri Luar Singapura, George Yeo berkata, ia lebih banyak diserahkan kepada sektor swasta kerana akhirnya mereka yang membuat keuntungan.

Di samping bantuan yang akan diperolehi dari negara anggota, Jepun juga menjanjikan bantuan AS\$15 bilion (RM57 bilion) untuk pembangunan IT bagi rantau ini.